



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
BANTAHAN PENDUDUK TERHADAP
STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DI
NEGERI PULAU PINANG**

Berkuatkuasa

1 Januari 2020

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pendahuluan	3
2.0	Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Telekomunikasi (Baharu) Di Negeri Pulau Pinang	4
3.0	Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Telekomunikasi Sedia Ada (Telah Beroperasi) Di Negeri Pulau Pinang	5
4.0	Terma Rujukan Badan Siasatan Aduan	6
5.0	Kriteria-Kriteria Bagi Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi	7
6.0	Carta Alir Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar	8
7.0	Manual Prosedur Kerja	9
8.0	Lampiran: Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Di Negeri Pulau Pinang	

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Penglibatan awam dalam isu bantahan penduduk terhadap struktur pemancar telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang bertitik tolak daripada kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap beberapa faktor:
- i. Dakwaan isu kesihatan melalui risiko kesan radiasi yang dikeluarkan oleh struktur pemancar telekomunikasi ;
 - ii. Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi yang tidak tersusun dan teratur selaras dengan kepesatan pembangunan sektor dan teknologi telekomunikasi ; atau
 - iii. Reka bentuk struktur pemancar telekomunikasi tidak menepati ciri-ciri persekitaran dan estetika bangunan serta sensitiviti masyarakat setempat.
- 1.2 Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri dalam memastikan capaian liputan telekomunikasi adalah menyeluruh di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, SOP ini juga bertujuan untuk menambahbaik proses pembangunan infrastruktur telekomunikasi serta memperkemas tatacara pengendalian bantahan-bantahan mengenai struktur pemancar telekomunikasi yang diterima.
- 1.3 SOP ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pembinaan Struktur Pemancar Telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa sedia ada.

2.0 BANTAHAN PENDUDUK TERHADAP STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI (BAHARU) DI NEGERI PULAU PINANG

- 2.1 Pemilik struktur perlulah mendapatkan kelulusan permit struktur telekomunikasi secara langsung daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum pembinaan sebarang struktur pemancar telekomunikasi ;
- 2.2 Pemilik struktur hendaklah mendirikan papan tanda tentang cadangan projek / pembinaan dengan **jelas** di tapak pembinaan mengikut standard yang ditetapkan oleh PBT ;
- 2.3 Sebarang bantahan berkenaan struktur pemancar telekomunikasi yang diterima oleh mana-mana jabatan/agensi terlibat melalui **Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Di Negeri Pulau Pinang** (seperti di lampiran) hendaklah disalurkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ;
- 2.4 Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Di Negeri Pulau Pinang hendaklah **disertakan dengan bukti teknikal** daripada jabatan/agensi bertauliah Tempatan ; (Sila rujuk perkara 5.2 bagi senarai bukti teknikal yang diterima sebagai rujukan)
- 2.5 Sebarang bantahan terhadap struktur pemancar telekomunikasi yang dikemukakan tanpa bukti teknikal adalah tidak akan diterima dan pihak BKT perlu memaklumkan kepada pembantah secara bertulis untuk menyediakan bukti teknikal ;
- 2.6 Jika bantahan yang diterima adalah disertakan dengan bukti teknikal, maka bantahan tersebut akan disiasat oleh **Badan Siasatan Bantahan Penduduk** ; (Sila rujuk perkara 4.0 bagi Terma Rujukan Badan Siasatan Bantahan Penduduk)

- 2.7 Sekiranya kerja-kerja pembinaan struktur pemancar telekomunikasi telah dimulakan, pihak PBT perlu mengeluarkan Notis Perintah Berhenti Kerja (NPBK) sehingga keputusan dikeluarkan oleh Badan Siasatan Bantahan Penduduk ;
- 2.8 Badan Siasatan Bantahan Penduduk akan melakukan siasatan dan mengeluarkan keputusan bantahan sama ada **berasas** atau pun **tidak berasas** ;
- 2.9 Bagi keputusan bantahan yang **berasas**, permit struktur pemancar telekomunikasi akan ditarik balik mengikut peraturan dan kaedah yang telah ditetapkan oleh PBT ;
- 2.10 Sekiranya keputusan bantahan adalah **tidak berasas**, maka kerja-kerja pemasangan dan pembinaan struktur pemancar telekomunikasi boleh diteruskan ;
- 2.11 BKT akan memaklumkan kepada pembantah dan pemilik struktur secara bertulis mengenai maklumbalas keputusan bantahan.

3.0 BANTAHAN PENDUDUK TERHADAP STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI SEDIA ADA (TELAH BEROPERASI) DI NEGERI PULAU PINANG

- 3.1 Bantahan berkenaan struktur pemancar telekomunikasi yang diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri perlu disalurkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ;
- 3.2 Jika bantahan yang diterima adalah disertakan dengan bukti teknikal, maka bantahan akan disiasat oleh **Badan Siasatan Bantahan Penduduk**;

- 3.3 Badan Siasatan Bantahan Penduduk akan melakukan siasatan dan mengeluarkan keputusan bantahan sama ada **berasas** ataupun **tidak berasas** ;
- 3.4 Pihak BKT akan memaklumkan kepada pembantah dan pemilik struktur secara bertulis mengenai maklumbalas keputusan bantahan ;
- 3.5 Jika keputusan oleh Badan Siasatan Bantahan Penduduk adalah didapati berasas maka pemilik struktur diberi tempoh sehingga 30 hari untuk menyelesaikan isu bantahan penduduk tersebut dari tarikh makluman keputusan bantahan ; dan
- 3.6 Sekiranya tiada jalan penyelesaian, maka struktur pemancar telekomunikasi perlu diturunkan mengikut peraturan dan kaedah yang telah ditetapkan oleh PBT.

4.0 TERMA RUJUKAN BADAN SIASATAN BANTAHAN PENDUDUK

- 4.1 Tujuan penubuhan Badan Siasatan Bantahan Penduduk adalah bertanggungjawab untuk menilai dan menyiasat bantahan-bantahan yang diterima oleh penduduk mengenai struktur pemancar telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang.
- 4.2 Keahlian Badan Siasatan Bantahan Penduduk adalah dianggotai pegawai atau individu daripada Jabatan/Agensi/Professional yang bertanggungjawab dalam bidang telekomunikasi dan kesihatan awam
- 4.3 Keahlian Badan Siasatan Bantahan Penduduk dipersetujui dan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- 4.4 Keahlian Badan Siasatan Bantahan Penduduk adalah terdiri daripada:
- i. Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengerusi) ;
 - ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - iii. Agensi Nuklear Malaysia (ANM);
 - iv. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC);
 - v. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
 - vi. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
 - vii. Jabatan Kerja Raya (JKR) dan
 - viii. Mana-mana Jabatan / Agensi yang berkaitan (jika perlu)
- 4.5 Keahlian Badan Siasatan Bantahan Penduduk adalah sah untuk tempoh satu (2) tahun.
- 4.6 Badan Siasatan Bantahan Penduduk akan bersidang sekali dalam tempoh 30 hari sekiranya diperlukan.

5.0 KRITERIA-KRITERIA BAGI BANTAHAN PENDUDUK TERHADAP STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI


Bantahan terhadap struktur pemancar telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang yang dihantar kepada pihak BKT mestilah menepati kriteria-kriteria seperti berikut:

- 5.1 Sebarang bantahan yang dikemukakan mestilah secara bertulis menggunakan pakai Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran**;
- 5.2 Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang ini hendaklah diisi dalam satu salinan dan kembalikan borang yang telah lengkap diisi.


- 5.3 Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang ini hendaklah diisi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja.
- 5.4 Borang Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang hendaklah dikemukakan kepada pihak BKT oleh wakil penduduk atau *Joint Management Body (JMB)*.
- 5.5 Sebarang bantahan yang dikemukakan mestilah disertakan dengan bukti teknikal daripada jabatan / agensi bertauliah tempatan seperti:
- i. Laporan kesihatan oleh Doktor Hospital / Klinik kerajaan
 - ii. Laporan kesihatan oleh Pakar yang berdaftar dengan *National Specialist Register (NSR)* Malaysia;
 - iii. Laporan radiasi dari Agensi Nuklear Malaysia (ANM);
 - iv. Laporan keselamatan struktur dari Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jurutera Awam yang bertauliah; atau
 - v. Laporan keselamatan struktur dari Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

6.0 CARTA ALIR BANTAHAN PENDUDUK TERHADAP STRUKTUR PEMANCAR

6.1 Carta Alir Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi (Struktur Baru)



6.2 Carta Alir Bantahan Struktur Pemancar Telekomunikasi (Struktur Sedia Ada)



7.0 MANUAL PROSEDUR KERJA

7.1 Manual Prosedur Kerja Untuk Bantahan Penduduk Bagi Struktur Pemancar Telekomunikasi Baharu

Tanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Tempoh
	Mula	Mula	
BKT	1	1. Bantahan diterima di mana-mana saluran di panjangkan kepada BKT	
BKT	2	2. Semakan bukti teknikal & borang bantahan	2 hari
BKT	3	3. Memaklumkan pengadu untuk a. menyertakan bukti teknikal; dan b. melengkapkan borang bantahan	1 hari
BKT	4	4. Semakan status pembinaan / pemasangan struktur pemancar telekomunikasi.	2 hari
PBT	5	5. PBT mengeluarkan Notis Perintah Berhenti Kerja kepada pemilik struktur	2 hari
Badan Siasatan Bantahan Penduduk	6	6. Siasatan dijalankan oleh Badan Siasatan Bantahan Penduduk	30 hari
BKT	7	7. Keputusan Badan Siasatan Bantahan Penduduk dan maklumkan kepada PBT, Pembantah & Pemilik struktur	2 hari
PBT	8	8. PBT menarik balik Permit Kelulusan Pembinaan Struktur	2 hari
Pemilik Struktur	9	9. Pembinaan struktur diteruskan oleh pemilik struktur	
	Tamat	Tamat	

7.2 Manual Prosedur Kerja Untuk Bantahan Penduduk Bagi Struktur Pemancar Telekomunikasi Sedia Ada

Tanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Tempoh
		Mula	
BKT		1. Bantahan diterima di mana-mana saluran di panjangkan kepada BKT	
		2. Semakan bukti teknikal & borang bantahan.	2 hari
		3. Memaklumkan pembantah untuk a. menyertakan bukti teknikal; dan b. melengkapkan borang bantahan	1 hari
Badan Siasatan Bantahan Penduduk		4. Siasatan dijalankan oleh Badan Siasatan Bantahan Penduduk	30 hari
		5. Keputusan Badan Siasatan Bantahan Penduduk dan maklumkan kepada PBT, Pembantah & Pemilik struktur	2 hari
Pemilik Struktur / Syarikat Telekomunikasi		6. Sesi rundingan pemilik struktur bersama Pembantah dan hasil rundingan dimaklum kepada PBT, BKT, MCMC	30 hari
		7. Struktur dikekalkan.	
PBT		8. PBT mengeluarkan arahan roboh struktur kepada pemilik struktur	2 hari
		Tamat	